

Bukan salah kerajaan peneroka gagal projek tanam semula

UM - 5 NOV 2001

KUALA LUMPUR 4 Nov. — Kerajaan tidak wajar dipersalahkan ekoran kegagalan lebih 6,000 peneroka Felda mendapatkan hasil yang memuaskan daripada keputusan mereka untuk menanam semula sendiri kelapa sawit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia Kosai berkata, pihaknya telah memberi penerangan tentang kelebihan tanaman berkelompok tetapi peneroka terabit yang berkeras mahu mengurus sendiri kebun masing-masing.

“Bukan kerajaan bersikap lepas tangan tetapi peneroka yang enggan mendengar nasihat dan berkeras mahu tanam semula sendiri dan akibatnya hasil kebun kelapa sawit mereka tidak memuaskan mungkin kerana benih yang tidak bermutu dan sebagainya.

“Daripada 7,621 orang yang tanam semula sendiri hanya 750 orang berjaya sedangkan yang gagal ialah sebanyak 6,871 orang dan mereka yang gagal ini hendak merujuk semula kepada Felda,” katanya ketika menjawab soalan tambahan **Ismail Noh (Pas-Pasir Mas)** di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Sehingga kini, menurut Robia, seramai 1,330 orang peneroka terabit memohon diurus semula oleh Felda.

Felda menetapkan tempoh hingga akhir tahun ini

sahaja untuk peneroka terabit berbuat demikian dan setiap permohonan akan diteliti dengan keutamaan kepada mereka yang memiliki tabungan.

Terdahulu menjawab soalan asal Ismail, Robia menafikan dakwaan bahawa Felda tidak menggalakkan peneroka mengurus sendiri tanam semula kelapa sawit.

Ini kerana sejak 1998 hingga 2001, katanya, peneroka yang telah menerima hak milik diberi pilihan untuk tanam semula kebun mereka secara sendiri atau diurus oleh Felda.

Sehingga kini seluas 216,230 hektar kebun kelapa sawit telah ditanam semula melibatkan 56,881 peneroka.

Daripada jumlah itu, 7,621 peneroka atau 13.4 peratus telah melaksana-

kan kerja tanam semula sendiri manakala 49,260 peneroka diurus oleh Felda.

“Keadaan kebun mereka yang telah menanam semula sendiri kebanyakannya tidak dapat mencapai tahap penghasilan yang tinggi berbanding dengan pencapaian kawasan yang diurus oleh Felda dan anak syarikatnya,” kata beliau.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa merasmikan Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda Se-Malaysia pada 10 Ogos tahun lepas telah memberi penekanan pentingnya kebun-kebun peneroka diurus secara berkelompok dan teratur.

Tegas Robia, Felda berhasrat meningkatkan produktiviti setiap kebun peneroka supaya pencapaiannya setanding dengan estet-estet swasta.

“Oleh yang demikian, tindakan menanam semula secara kelompok yang dilaksanakan di Felda sekarang adalah pilihan terbaik oleh pihak peneroka untuk mencapai hasrat murni ini,” katanya.

Menjawab soalan tambahan **Che Ghani Che Ambak (Pas-Setiu)**, mengenai nasib peneroka Felda apabila saham agensi itu diapungkan, Robia berkata: “kalau berlaku pengapungan itu, Felda tidak akan mengusik tanah mereka.”